

13 MAY 2000

Mahathir-Umno (Dasar)

DASAR PARTI KUASAI KERAJAAN DIKAJI, KATA MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata Umno akan mengkaji sama ada boleh dilaksanakan dasar "parti menguasai kerajaan" yang antara lain menetapkan bahawa presiden parti dan perdana menteri adalah orang yang berbeza.

Katanya, kajian itu dibuat untuk memenuhi hasrat anggota Umno yang disuarakan melalui perwakilan tentang harapan agar diwujudkan dasar itu setiap kali parti mengadakan Perhimpunan Agung.

"Saya tak tahu sama ada kita boleh ada presiden parti orang lain, perdana menteri orang lain. Kalau OK, kita nak tahu apa kerja Perdana Menteri ini, apakah dia mesti jadi hanya orang yang menjalankan kerja yang diputuskan oleh presiden parti yang tidak ada kuasa," katanya semasa menggulung perbahasan pada hari terakhir Perhimpunan Agung Umno di sini.

Dr Mahathir berkata kajian itu juga akan menentukan kedudukan presiden parti dan Perdana Menteri daripada segi siapa dahulu dan siapa kemudian.

"Kita akan kaji tengok, boleh atau tak boleh. Kalau boleh di peringkat pusat ini, di peringkat negeri pula mesti ada satu orang menjadi ketua perhubungan dan orang lain yang menjadi Menteri Besar," katanya

Umno juga mesti menentukan perhubungan di antara ketua perhubungan parti dengan Menteri Besar, siapa pula yang harus mendapat keutamaan termasuk daripada segi protokol.

"Apakah orang yang menjadi ketua perhubungan ini lebih berhak untuk menentukan siapa menjadi calon (pilihan raya) dan membuat perakuan kepada presiden parti yang bukan Perdana Menteri, dan kalau dia pula membuat cadangan ini, apakah dia tidak akan beri tempat kepada kawan-kawannya, adik beradiknya," katanya.

Selepas peringkat ketua perhubungan negeri, kajian akan pula dibuat di peringkat ketua bahagian untuk menentukan kedudukan mereka sama ada mereka perlu menjadi wakil rakyat atau mengasingkan ketua bahagian dan wakil rakyat kawasan itu.

"Kita akan kaji semua ini sebab banyak kali sangat ditanya berkenaan parti menguasai kerajaan tapi kita belum dapat menentukan bagaimana parti menguasai kerajaan," katanya.

Dr Mahathir berkata sekarang ini beliau menjalankan tugasnya sebagai ketua kerajaan mengikut kehendak parti.

"Kadang-kadang parti tak bersetuju dengan cadangan saya, saya terpaksa gugurkan cadangan. Jadi nampak sikit sebanyak parti menguasai kerajaan jugalah tetapi mungkin belum memuaskan hati," katanya.

Beliau menyambut baik semua teguran yang dibuat oleh perwakilan semasa perhimpunan agung parti dan tidak berasa marah atau tersinggung.

Katanya, sikap itu diambil kerana beliau dipilih oleh Umno dan parti itulah yang memberi tempat kepadanya sebagai Perdana Menteri.

"Saya berasa terhutang budi kepada Umno. Umno boleh tegur saya, presiden adalah milik Umno," katanya.

Beliau mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dalam pemilihan Majlis Tertinggi parti pada Khamis lepas dan berterima kasih kepada perwakilan yang memberi ucapan bernas serta semua pihak yang telah menjayakan Perhimpunan Umno itu.

-- BERNAMA

AFY MAI

